

Dasar agihan perlu selagi wujud ketidakseimbangan

KUALA LUMPUR 13 Nov. - Kerajaan akan meneruskan agenda pengagihan bagi memastikan penyertaan yang seimbang dan saksama oleh pelbagai kaum di negara ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar, Ahmad Shabery Cheek berkata, usaha itu melibatkan pelaksanaan beberapa langkah atau tindakan berpilih yang bertujuan meningkatkan lagi tahap pencapaian ekonomi dan pendidikan antara kaum terutamanya bumiputera supaya setanding dengan bukan bumiputera.

"Tindakan afirmatif (berpilih) ini adalah dari segi beberapa aspek pe-

Tindakan afirmatif (berpilih) ini adalah dari segi beberapa aspek pengagihan yang masih belum mencapai sasaran terutamanya hak milik ekuiti korporat, guna tenaga profesional dan ketidaksamaan pendapatan antara kaum

ngagihan yang masih belum mencapai sasaran terutamanya hak milik ekuiti korporat, guna tenaga profesional dan ketidaksamaan pendapatan antara kaum.

"Ini termasuk menghidupkan semula

Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan meningkatkan lagi komitmen atau kesungguhan semua pihak dalam melaksanakan strategi asas DEB," katanya.

Strategi asas tersebut ialah pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan

AHMAD SHABERY CHEEK

Setiausaha Parlimen Kementerian Luar

penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi.

Beliau berkata demikian sewaktu menjawab soalan asal **Lau Yeng Peng (BN-Puchong)** di Dewan Rakyat hari ini.

Menurut Ahmad Shabery, atas kesedaran itu, usaha untuk meningkatkan prestasi ekonomi bumiputera akan terus diberi penekanan oleh kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dengan memperkenalkan dan melaksanakan langkah-langkah strategik yang lebih berkesan.